

140 NEGARA BERSETUJU SEBULAT SUARA

Dr. M Presiden Sidang Dadah Antarabangsa

UM 18 JUN 1987

Profile

Ⓟ D. SALLEH

Dari Mohd. Sidek Salleh

VIENNA 17 Jun — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diisytiharkan sebagai Presiden pertama Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT).

Pengisytiharan tersebut telah dibuat oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu, Encik Javier Perez de-Cuellar yang mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 1,000 orang perwakilan yang menganggotai 140 negara dan pertubuhan bukan kerajaan selepas merasmikan persidangan itu kira - kira jam 12 tengah hari (6 petang waktu Malaysia).

Setiausaha agung tersebut yang membuat pengisytiharan itu juga mengumumkan bahawa Menteri Luar Bolivia, Dr. Guillermo Bedregal Gutierrez (yang pada mulanya akan bertanding dengan Datuk Sri Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden) telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persidangan.

Pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir bagi jawatan itu telah dibuat setelah diadakan kompromi dengan Menteri Luar Bolivia itu. Pembukaan persidangan itu lewat sejam bagi membolehkan kumpulan Latin Amerika membincangkan perkara itu.

Utusan difahamkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mendapat sokongan yang kuat daripada Asia, Amerika, Afrika dan beberapa buah negara Eropah Barat dan ini mendorong perbincangan tertutup untuk membincangkan masalah itu.

Perwakilan daripada negara - negara ASEAN telah menyatakan

kegembiraan dan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri.

Tahniah yang sama telah diberikan oleh Encik Perez de Cuellar dan Setiausaha Agung Persidangan Puan Tamar Oppenheimer.

Para delegasi Malaysia dan Bolivia telah lobi melobi para perwakilan sejak Ahad lalu, menjelang persidangan tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudiannya telah mempengerusikan persidangan tersebut yang akan tamat pada 26 Jun ini. Beliau akan mengadakan makan malam dengan Peguam Negara Amerika Syarikat, Encik Edwin Meest dan mengadakan makan tengah hari dengan Naib Canselor Austria, Dr. Alois Mok.

Sementara itu Bernama melaporkan, Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapan menerima jawatan itu telah memberi amaran bahawa perang sedunia terhadap

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

DR. M. PRESIDEN SIDANG DADAH ANTARABANGSA

UM 18 JUN 1987

najis dadah tidak akan berjaya jika semua negara terus - menerus menentang ancaman itu secara pasif. Persidangan itu merupakan sidang terpenting setakat ini dalam usaha berterusan PBB membanteras gejala dadah.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa pengisytiharan komitmen yang harus diberikan di persidangan itu bukan sahaja penting sebagai rujukan dan peringatan tentang tanggungjawab moral sesebuah kerajaan, tetapi juga ianya hendaklah dijadikan satu mesej tegas kepada para pengedar dadah bahawa kegiatan mereka tidak harus diteruskan tanpa tindakan dan bahawa mulai sekarang mereka harus menghadapi tindakan yang tegas. Pendirian tegas Malaysia mengenai najis dadah

sudah dimaklumi oleh para peserta persidangan itu dan Datuk Sri Dr. Mahathir, sebagai Presiden ICDAIT yang baru dipilih, juga menggesa negara - negara anggota dan pertubuhan - pertubuhan lain supaya bertindak tegas.

Isu najis dadah, katanya, adalah satu kesengsaraan yang tidak mengenal sama ada individu ataupun institusi. Ia juga menjadi ancaman kepada semua kerajaan — "satu manifestasi serius bagi sebilangan negara di Amerika Latin, Amerika Utara dan Asia Tenggara bahawa masalah dadah telah menjadi masalah keselamatan dengan implikasi terhadap masa depan sesebuah negara dan pengekalan kedaulatannya," kata beliau. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau menerima

"tanggungjawab yang berat ini" sebagai Presiden dengan keyakinan bahawa beliau akan diberi panduan oleh kebijaksanaan bersama persidangan itu dan dengan tujuan yang jitu mengenai isu tersebut. Tugas yang dihadapi oleh para delegasi merupakan tugas amat penting yang telah ditentukan oleh takdir, katanya.

"Dalam beberapa hari ini kita harus mempergunakan semua kesungguhan dan kepakaran yang ada untuk mengadakan satu program yang jelas untuk membebaskan diri kita dan masyarakat daripada barah di kalangan kita; dadah dan para pengedar yang mengaut keuntungan dari umat manusia." Katanya, persidangan itu adalah hasil persidangan selama dua tahun tetapi ia merupakan satu langkah baru ke arah menghadapi

tugas yang amat penting untuk mendapat dan menyatukan ketahanan politik semua negara untuk bertindak terhadap penyakit yang telah menjangkiti masyarakat antarabangsa iaitu wabak penyalahgunaan dan pengedaran dadah secara haram.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata satu anggaran tidak rasmi mengenai perdagangan dadah secara haram ialah kira - kira AS\$300 ribu juta (kira - kira M\$750 ribu juta) tetapi untuk memeranginya sistem PBB hanya mampu mendapatkan belanjawan beberapa ratus juta dolar sahaja. Beliau menjelaskan sambutan yang kurang memuaskan itu mungkin melambangkan tanggapan yang berbeza negara - negara di dunia mengenai ancaman tersebut.